

10 FAQ's Tentang KUKUM

1) **Adakah KUKUM ini sebuah universiti awam ataupun swasta?**

KUKUM adalah sebuah kolej universiti (KU) yang termuda dari 6 buah KU dan ia tergolong di dalam kategori Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan ia merupakan IPTA yang ke-17 di negara ini.

2) **Di manakah terletakinya KUKUM?**

Kampus KUKUM kini merangkumi beberapa buah tapak yang berasingan iaitu di Kubang Gajah, Jejawi, Bangunan KWSP Kangar, Bintong dan Kuala Perlis.

3) **Siapakah Rektor dan Timbalan Rektor KUKUM?**

Rektor KUKUM ialah Y.Bhg. Profesor Dr. Kamarudin Bin Hussin manakala Timbalan Rektor (Akademik) ialah Y.Bhg. Profesor Madya Dr. Ali Yeon Md Shakaff.

4) **Apakah program-program yang sedang dan akan ditawarkan di KUKUM?**

Program-program akademik yang sedang ditawarkan pada sidang akademik 2002/2003 ialah Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer) dan Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik). Manakala bagi sidang akademik 2003/2004 ini, KUKUM akan menawarkan 8 buah program akademik yang baru iaitu : Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik), Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Perhubungan), Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik), Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Bahan), Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Metalurgi), Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Sistem Elektrik), Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik Industri) dan Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan).

5) **Apakah perbezaan yang ditonjolkan oleh KUKUM berbanding dengan universiti-universiti awam yang lain?**

Dari segi pendekatan pengajaran-pembelajaran KUKUM menitikberatkan pendekatan 'hands-on' la membawa maksud sebagai nisbah 60:40 iaitu pelajar menghabiskan 60% dari masanya menjalani amali dan 40% secara teori. Pelajar KUKUM menghabiskan amau masa yang sama di dalam dewan kuliah seperti pelajar dari universiti konvensional lain dan tambahan masa yang dihabiskan untuk menjalankan amali datang dari masa tambahan yang diperuntukan semata-mata untuk tujuan

pembelajaran amali. Dengan lain perkataan, pelajar KUKUM menghabiskan lebih banyak masa di pusat pengajian (sama ada di dalam makmal atau dewan kuliah) berbanding pelajar di universiti konvensional.

6) **Apakah syarat kemasukan bagi para pelajar untuk memasuki KUKUM?**

Syarat-syarat kemasukan bagi memasuki KUKUM ialah :

- Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau setaraf dengannya.
- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf dengannya.
- Diploma di dalam bidang-bidang Kejuruteraan yang berkaitan daripada Politeknik atau yang setaraf dengannya.
- Kelulusan lain yang diperakui oleh Senat.

7) **Adakah para pelajar di KUKUM diberi bantuan kewangan (biasiswa atau pinjaman)?**

Bagi pelajar-pelajar yang masuk pada sidang akademik 2002/2003 lalu, kesemuanya diberikan bantuan kewangan iaitu bantuan kewangan yang berbentuk biasiswa (2 pelajar mendapat biasiswa Yayasan Sabah dan 6 pelajar mendapat biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia) dan selebihnya mendapat bantuan kewangan yang berbentuk pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

8) **Adakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di KUKUM setanding dengan universiti-universiti awam yang lain?**

Segala kemudahan yang ada di KUKUM adalah setanding dengan semua IPTA lain di negara ini. Antara kemudahan yang disediakan di KUKUM termasuklah dewan kuliah dan perpustakaan yang mempunyai ribuan koleksi buku dan jurnal, termasuk di dalam bentuk elektronik. Makmal-makmal di KUKUM diletakkan di bawah pusat-pusat pengajian . Selain itu, Pusat Kejuruteraan menguruskan lebih dari 10 buah makmal dan bengkel secara gunasama. Terdapat juga kemudahan ICT yang canggih yang diselenggarakan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pelajar dan staf juga diberi kemudahan-kemudahan sukan dan riadah yang secukupnya.

9) **Adakah KUKUM mampu menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat pada masa hadapan?**

Bagi memenuhi keperluan untuk pengambilan pelajar yang ramai, KUKUM

telah pun mengenalpasti beberapa bangunan kosong di sekitar Kangar, Jejawi dan Kuala Perlis untuk dijadikan pusat-pusat pengajian, makmal-makmal dan dewan kuliah. Dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut, KUKUM akan menjadi sebuah kampus yang bersifat bertaburan atau lebih dikenali sebagai "KUKUM Distributed Campus" di mana seluruh bumi Perlis menjadi perkarangan Kampus KUKUM. Ini sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri Perlis bagi menjadikan Perlis sebagai negeri ilmu. Dengan penerapan konsep ini, KUKUM akan terus berkembang tanpa dikekang oleh faktor geografi, sebagaimana IPTA konvensional lain di negara ini.

10) **Apakah usaha yang telah dilakukan bagi memastikan bahawa kewujudan KUKUM diketahui dan diiktiraf oleh masyarakat industri?**

Banyak usaha telah dan sedang dilaksanakan bagi mencapai tujuan ini. Antara lain, termasuklah Forum KUKUM-Industri 2003 yang telah diadakan pada 25 Februari 2003 bertempat di Pusat Teknologi Antarabangsa, Kawasan Perindustrian Tinggi Kulim. Forum ini bertujuan memaklumkan kepada masyarakat industri bahawa KUKUM adalah sebuah IPTA yang mampu menyediakan graduan yang berbilang dalam bidang kejuruteraan. Bagi memantapkan lagi kedudukan KUKUM pada mata masyarakat industri, Pusat Kolaborasi Industri KUKUM telah dicadangkan untuk ditubuhkan dalam masa yang terdekat ini.

WAWASANKU

**KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN
UTARA MALAYSIA
ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN
WAWASAN JIWA KITA**

**BERDIKARI, ROHANIAH
BERTEKNOLOGI
PEMIMPIN BERBESTARI
UNTUK BANGSA, INSAN DAN UMAT DUNIA
NEGARA YANG TERCINTA**

**KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN
UTARA MALAYSIA
ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN
WAWASAN JIWA KITA**

Ciptaan Oleh : Lagu : Fauzi Marzuki
Lirik : Prof. Madya Dr. Ismail Abdullah